



TITAH DIRAJA

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
SERI PADUKA BAGINDA
YANG DI-PERTUAN AGONG**

SEMPENA

**ISTIADAT PENGURNIAAN DARJAH KEBESARAN,
BINTANG DAN PINGAT WILAYAH PERSEKUTUAN
TAHUN 2020**

PADA

**1 FEBRUARI 2020 [SABTU]
BERSAMAAN
7 JAMADILAKHIR 1441 HIJRAH**

BERTEMPAT DI

BALAIRUNG SERI, ISTANA MELAWATI

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

الحمدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ
عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ
وَعَلَى اللَّهِ وَصَاحْبِهِ اجْمَعِينَ
رَبِّ اشْرَحْ لِي صَدْرِي وَيُسَرِّلِي امْرِي
وَالْحَلُّ عَقْدَةُ مِنْ لِسَانِي يَفْقَهُوا قَوْلِي

ALHAMDULILLAH. BETA MERAFAKKAN SETINGGI-TINGGI KESYUKURAN KE HADRAT ALLAH SUBHANAHU WATA'ALA KERANA ATAS LIMPAH DAN KURNIA-NYA DAPAT BETA BERANGKAT HADIR KE ISTIADAT PENGURNIAAN DARJAH KEBESARAN, BINTANG DAN PINGAT WILAYAH PERSEKUTUAN BERSEMPENA SAMBUTAN HARI WILAYAH PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2020.

PERTAMA-TAMA NYA BETA INGIN MERAKAMKAN UCAPAN TERIMA KASIH DI ATAS PERUTUSAN SEMBAH UCAPAN MENJUNJUNG KASIH OLEH MEMANDA MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN YANG BERHORMAT TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD.

BETA AMAT GEMBIRA DAN BERSYUKUR MELIHAT USAHA DAN KOMITMEN KERAJAAN BETA DALAM MEMBANGUNKAN WILAYAH PERSEKUTUAN.

PELBAGAI AKTIVITI DAN INISIATIF TELAH DILAKSANA SECARA BERTERUSAN OLEH KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN MELIBATKAN PENYERTAAN PELBAGAI KATEGORI KUMPULAN SASAR KHUSUSNYA RAKYAT DARI KUMPULAN B-40.

INISIATIF INI DI PERKENALKAN DENGAN PRINSIP UNTUK MENJAGA KEBAJIKAN RAKYAT MERINGAN-KAN KOS SARA HIDUP DAN MENAIKKAN TARAF HIDUP RAKYAT WILAYAH PERSEKUTUAN.

ANTARA INISIATIF YANG DILIHAT MEMBERIKAN IMPAK SECARA TERUS KEPADA RAKYAT ADALAH PERKHIDMATAN BAS PERCUMA GO-KL PEMILIKAN RUMAH KEPADA GOLONGAN ASNAF SERTA KEMUDAHAN PENGINAPAN DENGAN KADAR SEWAAN YANG RENDAH BAGI GOLONGAN B-40 BERSTATUS BUJANG YANG BARU BERHIJRAH MENCARI REZEKI DI IBU KOTA KUALA LUMPUR.

BETA BERHARAP INISIATIF DAN PROGRAM YANG DI LAKSANAKAN OLEH KERAJAAN BETA AKAN DAPAT DI NIKMATI OLEH RAKYAT

WILAYAH PERSEKUTUAN SEKALIANNYA DENGAN TANPA MENGIRA BANGSA MAHUPUN AGAMA.

SELAIN ITU, PEMBANGUNAN SUKAN HENDAKLAH TIDAK DILUPAKAN KERANA IA MERUPAKAN WADAH TERBAIK DALAM MENYATUKAN DAN MENYIHATKAN MASYARAKAT YANG TERDIRI DARIPADA PELBAGAI KAUM, BANGSA DAN AGAMA.

BETA BERHARAP AGAR PROGRAM-PROGRAM SUKAN DI WILAYAH PERSEKUTUAN TERUS DIPERKASA DAN LEBIH RAMAI ATLET DARIPADA WILAYAH PERSEKUTUAN DAPAT DILAHIRKAN UNTUK MENGHARUM NAMA NEGARA DI PERSADA ANTARABANGSA.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG BETA KASIH SEKALIAN.

BARU-BARUINI DUNIA TELAH DI KEJUTKAN DENGAN PENULARAN WABAK CORONA-VIRUS. BETA MEMUJI PENDEKATAN SEGERA YANG TELAH DIAMBIL OLEH KERAJAAN BETA DALAM USAHA UNTUK MENGELAKKAN PENULARAN VIRUSINI DI NEGARA KITA MALAYSIA.

NAMUN DEMIKIAN, KERAJAAN BETA HENDAKLAH MENGAMBIL LANGKAH PENCEGAHAN YANG BERTERUSAN DAN TIDAK SEKALI-KALI BERKOMPROMI DALAM ISU YANG MELIBATKAN KESEJAHTERAAN RAKYAT DAN NEGARA.

PADA MASA YANG SAMA RAKYAT JUGA HENDAKLAH BERGANDING BAHU DENGAN KERAJAAN BETA DALAM MEMBENDUNG PENULARAN WABAKINI.

DALAM HALINI, BETA MEMINTA SELURUH RAKYAT MALAYSIA UNTUK MENGAMALKAN TAHAP KEBERSIHAN DIRI YANG TINGGI DAN JUGA BERSAMA-SAMA MENJAGA KEBERSIHAN ALAM SEKITAR.

RAKYAT JUGA ADALAH DI MINTA UNTUK TIDAK MENIMBULKAN SUASANA CEMAS MENERUSI PENULARAN BERITA YANG TIDAK BENAR. SEBALIKNYA RAKYAT HENDAKLAH MENYOKONG USAHA-USAHA YANG TELAH DAN BAKAL DI AMBIL OLEH KERAJAAN BETA.

IBARAT PEPATAH MELAYU LAMA YANG BERBUNYI "BERAT SAMA DI-PIKUL, RINGAN SAMA DIJINJING" BETA YAKIN SEMUA ISU BERHUBUNG KESEJAHTERAAN RAKYAT DAN NEGARA AKAN DAPAT DI TANGANI MENERUSI GANDINGAN KERJASAMA DI ANTARA KERAJAAN BETA DENGAN RAKYAT.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DI RAHMATI ALLAH SEKALIAN.

SELAIN MENARA BERKEMBAR PETRONAS PENEMPATAN KAMPUNG BARU ADALAH JUGA MERUPAKAN IKON IBU KOTA KUALA LUMPUR.

KERAJAAN BETA KETIKAINI SEDANG BERUSAHA UNTUK MEMBANGUNKAN SEMULA KAMPUNG BARU MENERUSI PELAN PEMBANGUNAN YANG TELAH DIRANGKA DENGAN TELITI.

KAMPUNG BARU ADALAH MERUPAKAN SIMBOL PENEMPATAN ORANG MELAYU DI IBU KOTA KUALA LUMPUR. JUSTERU, IANYA PERLULAH DI BANGUN SERTA DIMAJUKAN SEIRING DENGAN PEMBANGUNAN PESAT IBU KOTA KUALA LUMPUR.

BETA BERHARAP PEMBANGUNAN SEMULA KAMPUNG BARU DAPAT DI REALISASIKAN DENGAN MENGAMBILKIRA KEUTAMAAN HAK DAN KEPENTINGAN ORANG MELAYU.

BETA TELAH DISEMBAH MAKLUM BAHAWA RANCANGAN PEMBANGUNAN SEMULA KAMPUNG BARU INI ADALAH UNTUK MEMPERKASAKAN MASYARAKAT MELAYU DI IBU KOTA KUALA LUMPUR.

MENERUSI PEMBANGUNAN SEMULAINI, HAK-MILIK TANAH AKAN KEKAL KEPADA ORANG MELAYU. SELAIN ITU WARISAN, SENI BINA DAN BUDAYA MELAYU AKAN TERUS KEKAL DAN DI PERKASAKAN.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG BETA KASHI SEKALIAN.

PADA HARI INI, BETA BERKENAN MENGANUGERAH-KAN DARJAH KEBESARAN BINTANG DAN PINGAT WILAYAH PERSEKUTUAN KEPADA PARA PENERIMA YANG TELAH MENCURAH JASA DAN BAKTI DALAM MEMBANTU DAN MENYOKONG PEMBANGUNAN SERTA KEMAJUAN WILAYAH PERSEKUTUAN.

ANUGERAH INI ADALAH MERUPAKAN PENGIFTIRAFAN KERAJAAN BETA KEPADA PENGORBANAN SAUDARA DAN SAUDARI SEKALIAN. OLEH ITU, ADALAH MENJADI KEWAJIPAN KEPADA SEMUA PENERIMA UNTUK MENJAGA MARUAH, INTEGRITI DAN NAMA BAIK DIRI BAGI MENGEKALKAN KEMULIAAN DAN MARTABAT ANUGERAH INI.

PENGANUGERAHAN DARJAH KEBESARAN, BINTANG DAN PINGAT BUKANLAH UNTUK DI JADIKAN SEBAGAI BATU LONCATAN KEPADA KEMULIAAN DARJAT. SEBALIKNYA, IANYA PERLU DIJADIKAN SEBAGAI PEMANGKIN UNTUK TERUS KOMITED DALAM MEMBERIKAN KHIDMAT BAKTI DAN JASA KEPADA NEGARA MALAYSIA YANG KITA CINTAI.

MENGAKHIRI TITAH, BETA MENYERU MARILAH KITA BERSAMA-SAMA BERSYUKUR KEPADA ALLAH SUBHANAHU WATA'ALA

DI ATAS SEGALA LIMPAH KURNIA DAN RAHMATNYA YANG MENJADIKAN WILAYAH PERSEKUTUAN INI LEBIH MAJU, BERDAYA SAING, AMAN, MAKMUR DAN SENTOSA.

SEMOGA KITA SEMUA DIJAUHI DARIPADA MALAPETAKA DAN BENCANA SERTA SENTIASA BERADA DI DALAM PEMELIHARAAN DAN PERLINDUNGANNYA.

SEKIAN.

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقُ وَالْهُدَايَةُ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ